

27/08/2002

Clarion Malaysia dapat Sijil QS9002

Saufi Hamzah

TIDAK dinafikan Clarion (Malaysia) Sdn Bhd berjaya sepanjang 30 tahun pembabitannya dalam memajukan pengeluaran sistem audio kereta bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang.

Seharusnya, sejarah Clarion Malaysia adalah cerita sebuah syarikat pengeluaran perintis yang mula beroperasi kira-kira 30 tahun lalu di negeri ini.

Hari ini, kualiti dan kecanggihan sistem audio kereta keluaran syarikat itu untuk pasaran global diiktiraf seluruh dunia.

Kejayaan Clarion Malaysia berkait rapat dengan kejayaan berterusan Pulau Pinang dan Malaysia sebagai pusat pengeluaran bertaraf antarabangsa.

Presiden-Pengasas Clarion (Malaysia) Sdn Bhd, C H Tan, berkata 30 tahun adalah jangka masa lama bagi individu.

Namun, katanya, tempoh itu berlalu dengan pantas, mungkin kerana syarikat sentiasa bertungkus-lumus memenuhi banyak tanggungjawab dan mengejar pelbagai pencapaian.

"Kita bermula dengan satu wawasan untuk mewujudkan kilang pengeluaran sistem audio kereta bertaraf antarabangsa yang dapat membekalkan produk ke seluruh dunia.

"Jika diimbaz kembali, wawasan itu nampaknya amat besar. Pada ketika itu, saya cuma seorang anak muda yang penuh dengan semangat berkobar-kobar, manakala Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas pula hanya ladang kelapa," katanya.

Disember 1970, adalah tarikh yang penting dalam sejarah pembangunan Pulau Pinang, apabila sekumpulan usahawan yang mempunyai wawasan bertemu untuk membina kilang yang pertama di kawasan ladang kelapa Bayan Lepas.

Kumpulan pengasas itu membabitkan usahawan Malaysia, Tan Chuen Hock serta mendiang S Takizawa, Y Oyamada dan Ishitsubo dari Kumpulan Clarion Jepun.

Syarikat yang ditubuhkan ketika itu adalah Clarion (M) Sdn Bhd dan ia juga menandakan bermulanya konsep pengeluaran di Pulau Pinang.

Wawasan 2000-2005 Clarion (Malaysia) adalah menumpu ke arah proses kepelbagaian dan pengeluaran produk baru yang canggih demi membina reputasi yang lebih baik lagi.

Proses kepelbagaian itu diterajui pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sudah membuktikan kebolehan dari segi dedikasi dan inovasi.

Syarikat itu juga merancang mengeluarkan produk multimedia dan sistem informasi audio visual untuk kegunaan dalam kereta serta sistem audio yang lebih canggih supaya pengguna abad ke-21 dapat menikmati perjalanan yang lebih seronok dan selamat.

Bagi mencapai matlamat itu, Clarion Malaysia memberi latihan lanjutan dan peluang meningkatkan kemahiran pekerjanya yang begitu komited dan setia.

Ketika mula beroperasi, produk utama Clarion adalah pemain katrij lapan trek yang bersaiz besar. Produk itu dirancang dan direka cipta di Jepun.

Pelbagai komponen dan motor sistem audio itu kemudian dipasang oleh pekerja di Pulau Pinang dan seterusnya dieksport.

Keadaan berubah dengan kehadiran unit R&D tersendiri serta jurutera yang seterusnya merancang serta mereka cipta model-model di sini. Sistem itu juga membawa kepada peningkatan penggunaan bahan tempatan di kilang di Bayan Lepas.

Apabila kaset mula menggantikan kartrij, pemain kaset kereta Clarion

yang dikeluarkan di Pulau Pinang mula mendapat perhatian di pasaran antarabangsa.

Hari ini, Clarion Malaysia mereka cipta, mengeluarkan, memasarkan pelbagai pemain kaset dan cakera padat kereta yang canggih di dunia berserta ciri-ciri maju yang berkualiti antarabangsa.

Clarion Malaysia kini unggul dengan usaha tersendiri dan jenamanya pula sudah menjadi simbol kejayaan di Pulau Pinang.

Syarikat itu mendapat pelbagai kejayaan sejak 1971 sehinggalah dua tahun lalu. Ini termasuk Anugerah Proton kerana kualiti dan Anugerah Waja daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Clarion Malaysia juga mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila menerima Sijil QS9002, berdasarkan standard ISO9000 bagi pembekal dalam industri automobil.